

# Malaysia pertingkatkan kerjasama pendidikan

BH - 2/4/2007

## Negara kaji sistem dilaksana Perancis, Switzerland: Hishammuddin

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Keupayaan Malaysia sebagai model keamanan dan perpaduan menerusi sistem pendidikan akan ditonjolkan dalam pameran bertemakan 'Merayakan 50 Tahun Kejayaan Sistem Pendidikan Malaysia' di ibu pejabat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (Unesco) di Paris, mulai hari ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata antara aspek perkembangan pendidikan dipaparkan dalam pameran itu ialah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan, kurikulum kebangsaan dan dasar pendidikan negara.

"Pameran itu turut memaparkan sistem pendidikan kebangsaan, akses dan ekuiti serta sistem penyampaian," katanya dalam kenyataan mengenai lawatan kerja enam hari ke Perancis dan Switzerland mulai hari ini yang dikeluarkan di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, beliau di-

jadualkan merasmikan pameran itu yang akan diadakan selama empat hari mulai hari ini.

"Pameran ini dihadiri perwakilan tetap negara anggota Unesco dan perwakilan asing di Paris," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau mengetuai delegasi Malaysia dengan 12 pegawai kanan kementerian dalam lawatan ke dua negara itu.

"Lawatan kerja ini bertujuan meningkatkan dan memperkemaskan hu-

**“Lawatan kerja ini bertujuan meningkatkan dan memperkemaskan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar”**

**Hishammuddin Hussein**  
Menteri Pelajaran

bugan dua hala Malaysia dengan negara luar serta pertubuhan antarabangsa terutama dalam bidang pendidikan," katanya.

Beliau berkata, pelbagai program dan aktiviti diatur sepanjang lawatan itu selaras tuntutan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang menekankan keperluan jalinan usaha dan kerjasama antara Malaysia dan negara asing.

"Lawatan kerja ini membolehkan Malaysia mempelajari amalan terbaik Kerajaan Perancis dan Switzerland berhubung isu pendidikan.

"Ia termasuk mempelajari kaedah pembelajaran dan pengajaran berkesan, strategi dalam memasarkan produk pendidikan ke negara luar, pendekatan yang diguna pakai dalam mengendalikan pelajar kurang upaya, pelaksanaan kurikulum seni pada peringkat persekolahan serta mewujudkan rangkaian sekolah antara-bangsa," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau akan melawat sebuah sekolah seni dan kurang upaya di Perancis dan

beberapa institusi pendidikan kendalian Kementerian Pendidikan Perancis dan Switzerland.

"Saya turut memanfaatkan lawatan kerja ini bagi mendapat sokongan dalam pertandingan mengisi kerusi Lembaga Eksekutif Unesco seperti diputuskan Kabinet pada 4 Oktober lalu.

"Selain itu, saya berpeluang melawat beberapa institusi Unesco seperti Institut Perancangan Pendidikan Antarabangsa (IIEP) di Paris dan Biro Pendidikan Antarabangsa (IBE) di Geneva, Switzerland," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau juga akan bertemu rakyat Malaysia di dua negara terbabit bagi berkongsi aspirasi seperti terkandung dalam PIPP 2006-2010.

"Sehubungan itu, beberapa siri pertemuan dengan komuniti Malaysia di Paris dan Geneva diatur. Ia diadakan bagi meminta rakyat Malaysia di luar negara bersama melaksanakan tanggungjawab dalam merealisasikan PIPP 2006-2010," katanya.